




Jabatan Perumahan Negara
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

RINGKASAN EKSEKUTIF

DASAR PERUMAHAN NEGARA (2018 - 2025)



RUMAH BERKUALITI HARAPAN RAKYAT





PERUTUSAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

Adalah menjadi harapan Kerajaan untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik dan kurang kemampuan untuk memiliki tempat tinggal yang selesa. Kerajaan mahu menyediakan tempat tinggal yang mempunyai persekitaran yang selamat, sihat dan sejahtera. Di samping itu, pembangunan perumahan perlu disediakan kemudahan awam yang lengkap beserta kemudahan taman rekreasi yang bermutu.

Untuk mencapai objektif ini, sektor swasta perlu diberi kepercayaan untuk memacu industri perumahan negara. Sektor awam pula berperanan membantu melancarkan proses tersebut dan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan berkaitan dengan sektor perumahan. Sektor awam juga akan memberi penekanan terhadap penyediaan perumahan mampu milik untuk golongan yang berpendapatan rendah.

Pelancaran Dasar Perumahan Negara (DRN) (2018–2025) adalah penting untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh industri perumahan negara. DRN (2018–2025) juga memberi tumpuan kepada pembangunan yang seimbang iaitu penggunaan konsep pemajuan dan pembinaan perumahan yang mesra alam serta aplikasi teknologi dan inovasi baharu dalam sektor perumahan.

Kerajaan mahu supaya fokus dan strategi yang digariskan DRN (2018–2025) dapat menjadi landasan bagi memperkuuhkan industri perumahan di Malaysia. Dengan pelaksanaan dasar ini kelak, saya percaya, sektor perumahan akan dapat menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara dan secara langsung membantu Malaysia mencapai hasrat menjadi sebuah negara yang mempunyai tahap kemajuan dan kualiti kehidupan seperti negara maju.

Terima kasih.

**TUN DR. MAHATHIR bIN MoHAMAD
PERDANA MENTERI MALAYSIA**







PERUTUSAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Kerajaan komited ke arah memastikan penyediaan rumah kediaman yang mencukupi, berkualiti dan mampu dimiliki bagi memenuhi keperluan penduduk yang semakin bertambah. Komitmen ini dapat dicapai melalui strategi yang memberi keseimbangan kepada permintaan dan penawaran, memperkenalkan industri perumahan yang cekap dan mampan serta menyediakan kemudahan awam dan persekitaran yang bersih.


Dalam hubungan ini, adalah mustahak bagi Kerajaan Persekutuan, Negeri dan sektor swasta bekerjasama untuk mewujudkan industri perumahan yang berdaya saing dan mampan. Kerjasama ini akan memberi manfaat kepada pemilik rumah dan juga pemaju perumahan. Dalam hal ini, pembentukan Dasar Perumahan Negara (DRN) (2018-2025) adalah tepat pada masanya bagi memacu agenda perumahan negara dan memberi garis panduan kepada setiap pihak terlibat bagi mencapai matlamat menyediakan perumahan yang mencukupi dan mampu dimiliki bagi kelompok rakyat yang memerlukan.

Untuk memastikan sektor perumahan mencapai kemajuan yang diharapkan dan menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi negara secara berterusan, DRN (2018-2025) dijangkakan mampu menyelesaikan masalah dan cabaran yang berkaitan dengan aspek pembinaan, kualiti perumahan, ketidaksepadanan penawaran dan permintaan perumahan serta keupayaan memiliki atau menyewa rumah melalui sistem pengagihan yang efektif terhadap perumahan mampu milik secara amnya dan Program Perumahan Awam secara khususnya.

Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan DRN (2018-2025), dengan lima (5) fokus utama dan enam belas (16) strategi dapat menyediakan hala tuju yang jelas kepada agensi Kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan penggiat industri harta tanah ke arah perancangan dan pembangunan sektor perumahan yang maju dan berdaya saing.

**Yb PN HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN
MENTERI PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**







PRAKATA

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Dasar Perumahan Negara (DRN) (2018-2025) diwujudkan untuk menggariskan hala tuju serta dijadikan asas dalam perancangan dan pembangunan sektor perumahan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. Matlamat DRN (2018-2025) adalah untuk memandu arah sektor perumahan negara dengan menekankan perancangan, pembangunan dan pengurusan perumahan yang sistematis, berkualiti, inklusif, cekap dan mampu dimiliki oleh rakyat bagi menjana habitat yang mampan dan berdaya huni.

DRN (2018-2025) juga diperkenalkan untuk menangani isu dan cabaran yang dihadapi oleh industri perumahan pada masa kini. Isu-isu yang kompleks dan mencabar ini memerlukan penyelesaian yang cekap bagi menjamin pertumbuhan industri perumahan negara yang sihat dan mampan. Justeru, untuk merealisasikan matlamat dan objektif DRN (2018-2025), satu pelan tindakan telah dirangka untuk menggariskan langkah-langkah strategik selaras dengan matlamat dan fokus Dasar Perumahan Negara.

Kejayaan dalam melaksanakan DRN (2018-2025) ini pastinya memerlukan kerjasama dan komitmen daripada pelbagai pihak dalam industri perumahan di negara ini. Sehubungan itu, kerjasama yang erat di antara sektor awam dan sektor swasta amatlah penting dalam menangani pelbagai isu dan cabaran serta melaksanakan langkah-langkah strategik demi mencapai matlamat agenda perumahan negara. Saya yakin kejayaan pelaksanaan DRN (2018-2025) akan memberi sumbangan yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

**DATO' SRI HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**





Setiap fasa pembangunan perumahan lazimnya berkait rapat dengan keadaan sosial, politik dan ekonomi negara semenjak merdeka. Keadaan ini menjadikan dasar dan program perumahan yang digubal di Malaysia adalah unik selaras dengan keperluan semasa negara ini. Malah kejayaan dan pencapaian program perumahan di Malaysia sejak merdeka sering dijadikan rujukan oleh banyak negara membangun lain.

PERKEMBANGAN DASAR PERUMAHAN DI MALAYSIA

1957 - 1970
Fasa Perumahan Awal Kemerdekaan

1970 - 1985
Perumahan untuk Mengatasi Masalah Kemiskinan

1986 - 1997
Perumahan Berfokuskan Pasaran

1998 - 2011
Perumahan untuk Setinggan


2012 - Kini
Perumahan Mampu Milik

SENARIO PERUMAHAN DI MALAYSIA

PERMINTAAN DAN PENAWARAN PERUMAHAN

Permintaan terhadap perumahan dipengaruhi oleh kemampuan isi rumah membayar harga rumah di pasaran. Kemampuan isi rumah boleh dibahagikan kepada dua, iaitu isi rumah yang mampu membeli rumah di pasaran terbuka dan isi rumah yang memerlukan bantuan kerajaan bagi memiliki rumah. Keutamaan penawaran perumahan di masa hadapan adalah untuk memastikan rakyat mampu memiliki dan mendiami perumahan yang berkualiti. Dalam konteks Malaysia, penyewaan rumah juga harus dilihat sebagai satu pilihan bagi memenuhi keperluan isi rumah yang tidak mampu untuk memiliki rumah sama ada yang dibina oleh pihak kerajaan ataupun swasta. Penyewaan harus dipromosikan kepada golongan sasaran sebelum mereka mampu dan bersedia untuk memiliki rumah dari segi kewangan dan memenuhi keperluan keluarga.

Rajah 1: Isi rumah Malaysia mengikut jenis pemilikan perumahan, 2016




Sumber: DOS (2017c)

PENAWARAN BAGI PASARAN PERUMAHAN

Keupayaan institusi kerajaan telah dipertingkatkan untuk menyampaikan, menasarkan dan memantau pelaksanaan program perumahan awam dan swasta bagi golongan sasaran mengikut masa yang ditetapkan. Pada masa yang sama, penggunaan teknologi moden juga haruslah diberi perhatian seiring dengan penghasilan tenaga kerja mahir dalam industri pembinaan sektor perumahan negara. Produktiviti sektor perumahan juga boleh dipertingkatkan menerusi peralihan kaedah penyampaian perumahan dari sistem Jual kemudian Bina (*Sell then Build*) sedia ada, kepada Bina kemudian Jual (*Build then Sell*).

SENARIO PERUMAHAN DI MALAYSIA

Rajah 2: Penawaran Perumahan di Malaysia



Sumber: NAPIC (2017)

KEMAMPUAN MEMILIKI RUMAH

Analisis semasa keadaan perumahan di Malaysia menggunakan kaedah Median Multiple¹ (MM) semenjak tahun 2002 menunjukkan indeks tahap kemampuan memiliki rumah telah menurun dari 4.1 pada tahun 2002 kepada 5.1 pada tahun 2014. Pada tahun 2016, tahap kemampuan memiliki rumah telah bertambah baik sedikit kepada 5.0, walaupun masih dikategorikan sebagai sangat tidak mampu dimiliki. Menyedari isu kemampuan memiliki rumah yang semakin ketara dalam kalangan rakyat, semenjak dari tahun 2012, Kerajaan Persekutuan telah mengambil pelbagai langkah yang proaktif bagi menangani masalah ini. Pihak Kerajaan Persekutuan juga melalui pelbagai agensi dan kementerian turut giat melaksanakan program yang menyediakan perumahan mampu milik. Dengan pelbagai usaha yang telah dan sedang dijalankan, pihak kerajaan yakin tahap kemampuan rakyat untuk memiliki rumah dapat dipertingkatkan di masa hadapan.



¹ Median Multiple (MM) : Harga rumah median yang maksimum tiga kali lebih tinggi daripada pendapatan tahunan isi rumah median (cth. nisbah harga rumah kepada pendapatan 3.0 ke bawah).

² CAGR : Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkumpul (Compound Annual Growth Rate)

SENARIO PERUMAHAN DI MALAYSIA

Jadual 1: Indeks Median Multiple mengikut negeri, 2002-2016

Negeri	2002	2004	2007	2009	2012	2014	2016	Indeks kemampuan	% Rumah terancang
Kelantan	5.1	5.4	4.4	4.5	6.2	7.1	5.5	5.1 & lebih	16
Sabah	6.3	6.7	10.0	6.2	5.8	5.6	5.5	Bonar-bonar	24
Pulau Pinang	4.1	4.3	4.1	4.0	4.1	5.8	5.5	tidak mampu	74
Negeri Sembilan	3.4	3.1	3.3	3.4	2.8	5.0	5.1		74
Pahang	5.0	4.2	3.7	3.9	3.8	5.3	5.0		58
Johor	4.9	4.9	3.5	3.7	3.7	4.3	5.0		73
Malaysia	4.1	4.3	4.4	4.4	4.0	5.1	5.0	4.1 - 5.0	60
Terengganu	4.7	4.8	5.0	5.2	5.3	6.2	5.0	Sangat tidak mampu	22
W.P. Kuala Lumpur	4.7	5.4	5.0	4.6	4.9	5.6	4.9		88
Selangor	3.7	3.5	3.6	3.6	3.6	5.2	4.7		81
Perak	3.9	4.1	3.5	3.5	3.3	5.1	4.6		57
Kedah	4.6	4.1	4.1	4.0	3.6	3.4	4.3		50
Sarawak	n.a	n.a	3.7	4.1	4.0	4.2	4.0	3.1 - 4.0	32
Perlis	4.4	3.7	3.6	4.5	4.3	4.5	4.0	Agak tidak mampu	34
Melaka	3.4	3.5	2.9	2.9	2.6	3.1	3.1		64

ANALISIS SPATIAL

Pencapaian piawaian perumahan berkualiti perlu dinilai dalam konteks kejiranan yang lebih luas. Perancangan fizikal kejiranan perlu disokong dengan elemen-elemen komuniti seperti budaya, ekonomi dan privasi bagi meningkatkan kesejahteraan penduduk. Lokasi perumahan adalah antara faktor yang menyebabkan peningkatan beban kos perumahan dan menjelaskan kualiti hidup isi rumah. Perancangan perumahan di peringkat tempatan dan wilayah perlu diintegrasikan dengan perancangan pengangkutan agar ianya dapat meringankan beban kos pengangkutan dan meningkatkan kualiti hidup isi rumah serta memastikan pembangunan perumahan selari dengan keperluan dan penyediaan pengangkutan yang cekap dan tidak membebankan isi rumah. Kos pembiayaan perumahan dan pengangkutan adalah antara perbelanjaan yang terbesar dalam belanjawan isi rumah. Antara tahun 2004 dan 2016, gabungan kedua-dua kos ini menunjukkan kenaikan sebanyak 104.6%, di mana peratusannya hampir sama dengan pertumbuhan pendapatan isi rumah (114.2%).

Nota:

Perumahan Terancang - Perumahan tersusun yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan kemudahan komuniti yang pelbagai serta terletak di kawasan yang mudah diakses oleh pengangkutan.


Dasar Perumahan Negara (2018 - 2025)

SENARIO PERUMAHAN DI MALAYSIA

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Suatu mekanisme dan proses yang berkesan perlu disediakan bagi memantau dan menilai pelaksanaan dan pencapaian strategi-strategi perumahan yang telah dibentuk. Kesediaan data yang lengkap adalah amat penting dalam memastikan pembentukan dasar pembangunan perumahan yang komprehensif. Data yang lengkap akan membolehkan analisis dilakukan dengan mendalam dan terperinci bagi menghasilkan strategi-strategi yang mampu menangani isu-isu perumahan dengan jayanya. Secara langsung, inisiatif ini turut menyumbang bagi memastikan proses pemantauan dan penilaian dasar dapat dilakukan dengan berkesan. Sehubungan itu, aspek kesediaan data perumahan yang lengkap perlu dititikberatkan dengan penyediaan pangkalan data perumahan bersepada di peringkat kementerian dan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan capaian data oleh pelbagai agensi dan pihak berkepentingan lain seperti pemaju dan pembeli rumah.

Rajah 3: Kadar Peruntukan Pembangunan Perumahan





ISU DAN CABARAN

Industri perumahan di Malaysia telah berkembang pantas. Sejak negara mencapai kemerdekaan sehingga kini, industri perumahan telah menjadi pemacu pembangunan dan peningkatan ekonomi negara yang penting. Namun, ketidakseimbangan di antara pencapaian sosio-ekonomi masa kini dan penawaran perumahan telah mewujudkan isu dan cabaran yang perlu ditangani bagi mencapai sektor perumahan yang mampan dan memenuhi keperluan rakyat.

- | | |
|-----------|---|
| 01 | Ketidakmampuan Membeli Rumah Mengikut Harga Pasaran |
| 02 | Ketidaksepadan antara Penawaran dan Permintaan Rumah Mengikut Lokasi |
| 03 | Industri Perumahan Tidak Berinovasi |
| 04 | Ketiadaan Sistem Bersepadu bagi Memastikan Kesepadan di antara Penawaran dan Permintaan |

PENGENALAN DRN (2018-2025)

Dasar-dasar negara sentiasa dikaji semula secara berkala dan dikemas kini. Memandangkan Dasar Perumahan Negara (DRN) 2013-2017 telah tamat tempoh pelaksanaannya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menilai semula DRN sedia ada bagi mengenal pasti jurang untuk dijadikan asas dalam menggariskan dasar dan strategi baru bagi DRN (2018-2025).

DRN (2018-2025) adalah bertujuan untuk memperincikan dasar dan pelan tindakan bagi tempoh 2018-2025 yang mengambil kira isu-isu perumahan semasa. Ia berfungsi sebagai rangka kerja nasional dalam memandu pembangunan perumahan di peringkat Persekutuan dan Negeri serta menjadi pemangkin dalam penyediaan perumahan yang sistematik, dan berdasarkan permintaan dan keperluan perumahan.

Tahun permulaan pelaksanaan yang ditetapkan di bawah Pelan Tindakan DRN (2018-2025) adalah seperti berikut:

Jangka Masa Pelaksanaan	Tahun
Jangka Masa Pendek	2018-2020
Jangka Masa Pertengahan	2021-2023
Jangka Masa Panjang	2024-2025

Dasar perumahan yang menyeluruh dan bersesuaian dengan kehendak semasa adalah amat perlu dalam memastikan pembangunan perbandaran dan konurbasi yang berdaya maju dari segi ekonomi. Strategi dan pelan tindakan yang dirangka bersifat holistik dalam memenuhi keperluan serta menjaga kebajikan rakyat selain memenuhi industri perumahan negara.





MATLAMAT

Memandu arah dan memacu sektor perumahan negara dengan menekankan perancangan, pembangunan dan pengurusan perumahan yang sistematik dan cekap bagi menjana habitat yang mampan, berdaya huni, berkualiti dan inklusif yang mampu dimiliki oleh rakyat.

OBJEKTIF



1. Menyediakan rangka kerja pembangunan sektor perumahan bagi membantu kerajaan dan pihak swasta dalam menyediakan perumahan berdasarkan permintaan dan keperluan oleh setiap lapisan masyarakat;
2. Memperkuatkukuhkan peranan sektor perumahan dalam pengurusan konurbasi bagi mempromosikan pertumbuhan ekonomi dan penyediaan habitat berdaya huni;
3. Memastikan peruntukan sosial sektor perumahan dinikmati oleh isi rumah yang berkelayakan;
4. Menggalakkan kepelbagai an akses isi rumah kepada perumahan menerusi pemilikan dan sewaan;
5. Menekankan penyediaan dan penyelenggaraan perumahan berkualiti yang mampu dimiliki oleh rakyat.

FOKUS, STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN



Bagi mencapai objektif-objektif yang ditetapkan, DRN (2018-2025) digubal berdasarkan kepada lima (5) fokus, enam belas (16) pernyataan strategi dan lima puluh tujuh (57) pelan tindakan.



FOKUS 1:

MEMASTIKAN PERUMAHAN YANG BERKUALITI UNTUK SEMUA

Perumahan yang berkualiti adalah penting dalam membantu mencapai persekitaran kehidupan yang berdaya huni dan mampan. Piawaian Perumahan Berkualiti (PPB) akan disediakan bagi memperincikan definisi "perumahan berkualiti" serta memastikan kualiti perumahan baharu dan sedia ada.

Strategi 1.1: Membangunkan 'Piawaian Perumahan Berkualiti' (PPB) untuk meningkatkan mutu keseluruhan perumahan di negara ini.

- 1.1.1 Kajian Keadaan Perumahan Nasional
- 1.1.2 Penyediaan Garis Panduan PPB
- 1.1.3 Pemakaian PPB dalam garis panduan perumahan baharu
- 1.1.4 Semakan berkala Garis Panduan PPB

Strategi 1.2: Mewujudkan program pembangunan semula untuk memudahkan rejuvenasi bangunan dalam memenuhi 'Piawaian Perumahan Berkualiti'

- 1.2.1 Pemakaian PPB dalam program rejuvenasi bangunan sedia ada
- 1.2.2 Pemakaian PPB dalam garis panduan perumahan sedia ada

Strategi 1.3: Menambahbaik amalan penyelenggaraan bangunan untuk memastikan pematuhan kepada 'Piawaian Perumahan Berkualiti'

- 1.3.1 Penyelenggaraan bangunan mengikut kriteria PPB
- 1.3.2 Penggunaan 'Building dilapidation report' dalam penyelenggaraan perumahan awam
- 1.3.3 Aplikasi kos kitaran hayat untuk penyelenggaraan
- 1.3.4 Roadshow PPB kepada JMB/MC/COB dan lain-lain agensi perumahan

Strategi 1.4: Memperhalusi peranan kerajaan dan mewujudkan kerangka institusi yang sesuai dalam penyediaan dan penyelenggaraan perumahan berkualiti

- 1.4.1 Penggubalan Akta berkaitan pelaksanaan PPB
- 1.4.2 Penubuhan unit Khas untuk pentadbiran dan pemantauan PPB
- 1.4.3 Penyediaan rangka kerja pemantauan dan penilaian PPB
- 1.4.4 Penubuhan Jawatankuasa Penilaian PPB dan kemajuan pelaksanaan

Strategi 1.5: Menentukan keperluan dan kemahanian dalam meningkatkan penyediaan perumahan dan menetapkan sasaran program bantuan perumahan kerajaan

- 1.5.1 Penyediaan perumahan Agensi Kerajaan disasarkan kepada perumahan sektor sosial
- 1.5.2 Penyediaan rangka kerja penentuan kelayakan pemohon perumahan awam
- 1.5.3 Integrasi semua sistem permohonan perumahan awam sedia ada di antara agensi
- 1.5.4 Penglibatan dan *empowerment* komuniti – kawal selia perumahan
- 1.5.5 Penggubalan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM)



Dasar Perumahan Negara (2018 - 2025)

FOKUS 2:

MENAMBAH BAIK AKSESIBILITI DAN TAHP KEMAMPUAN MEMILIKI RUMAH

Akses kepada perumahan dapat ditambah baik dengan mentransformasi sektor perumahan negara. Penggunaan teknologi dan kaedah pembinaan terkini, seperti teknologi *Industrialised Building System* (IBS), *Building Information Modelling* (BIM) serta Kos Kitaran Hayat akan dipromosikan bagi meningkatkan produktiviti industri pembinaan perumahan.

Strategi 2.1: Memanfaatkan sepenuhnya teknologi dan ekosistem sokongan untuk meningkatkan penawaran dan produktiviti perumahan.

- 2.1.1 Pensijilan QLASSIC untuk semua projek baru perumahan awam dan swasta
- 2.1.2 Penggunaan teknologi pembinaan moden (IBS, BIM)
- 2.1.3 Penubuhan sistem perolehan khas
- 2.1.4 Peralihan sistem penyampaian perumahan JKB kepada BKJ

Strategi 2.2: Menentukan ukuran kemampuan perumahan mengikut kawasan untuk menambah baik rangka kerja pemantauan dan penilaian (P&P) Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

- 2.2.1 Penyediaan Garis Panduan tahap kemampuan pemilikan dan penyewaan rumah
- 2.2.2 Penyediaan Laporan Penilaian Tahap Kemampuan Pemilikan dan Penyewaan Perumahan
- 2.2.3 Kelulusan KM mengambil kira tahap kemampuan pemilikan perumahan
- 2.2.4 Kriteria kelulusan APDL mengambil kira tahap kemampuan pemilikan perumahan

Strategi 2.3: Memperluaskan pilihan perumahan melalui formalisasi pasaran sewa untuk memenuhi keperluan masyarakat yang pelbagai.

- 2.3.1 Penggubalan Akta Sewaan Kediaman
- 2.3.2 Pelaksanaan Sistem penyewaan sektor swasta yang viable
- 2.3.3 Penilaian kontrak penyewaan perumahan awam

Strategi 2.4: Menambah baik skim pembiayaan perumahan sedia ada untuk menyediakan penyelesaian inklusif dan mampan bagi kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana dalam mengakses rumah mampu huni.

- 2.4.1 Penyediaan Garis Panduan bantuan pembiayaan perumahan
- 2.4.2 Penyediaan Garis Panduan *Rent to Own*/ Skim Pembiayaan



Dasar Perumahan Negara (2018 - 2025)

FOKUS 3:

MEMASTIKAN KEJIRANAN YANG BERKUALITI DAN KOHESIF

Kejiranan yang berkualiti dan kohesif akan menghasilkan jalinan komuniti yang erat serta penempatan yang harmoni dan selamat. Dalam membentuk kejiranan yang berkualiti, aspek penyediaan kemudahan awam akan dititikberatkan. Oleh itu, piawaian dan garis panduan sedia ada yang berkaitan dengan kualiti kemudahan dan perkhidmatan di kawasan kejiranan akan disemak semula. Manakala, skop dan bidang kuasa institusi pengurusan kawasan kejiranan akan turut diperkasakan.

Strategi 3.1: Menyediakan dan mengekalkan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti di kawasan kejiranan untuk menyokong kehidupan masyarakat.

- 3.1.1 Kajian jurang pelaksanaan dan pematuhan kualiti kejiranan dan kemudahan sedia ada
- 3.1.2 Kajian semula piawaian dan garis panduan kejiranan dan kualiti kemudahan
- 3.1.3 Penyediaan senarai semak kualiti kejiranan
- 3.1.4 Kemaskini Malaysian Valuation Standards (MVS)
- 3.1.5 Penubuhan 3P
- 3.1.6 Perkasa bidang kuasa JMB/MC – Akta 757

Strategi 3.2: Memperkasa peranan dan semangat masyarakat dalam mengukuhkan kualiti persekitaran kejiranan.

- 3.2.1 Menjalankan inisiatif komuniti melalui Dasar Komuniti Negara
- 3.2.2 Pelaksanaan projek perintis di bawah *Community Funding Mechanism*
- 3.2.3 Pelaksanaan aktiviti komuniti untuk pengurusan dan penyelenggaraan bersama



Dasar Perumahan Negara (2018 - 2025)

FOKUS 4:

MENAMBAH BAIK KOORDINASI ANTARA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN PENGANGKUTAN UNTUK KUALITI KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK

Data agregat kebangsaan menunjukkan bahawa pembiayaan perumahan dan pengangkutan adalah antara perbelanjaan terbesar bagi kebanyakan isi rumah di Malaysia. Malah, kos kedua-dua perbelanjaan ini telah meningkat sepanas pendapatan isi rumah. Oleh itu, koordinasi antara penyediaan perumahan dan sistem pengangkutan akan diberi perhatian bagi mengurangkan bebanan kos kehidupan kepada isi rumah.

Strategi 4.1: Menyelaraskan proses perancangan perumahan dan sektor dalam rancangan wilayah, struktur, tempatan dan kawasan khas untuk meningkatkan kejelasan dan konsistensi visi serta meningkatkan keberkesanan penyertaan masyarakat.

- 4.1.1 Pengangkutan dan perancangan perumahan diselaraskan
- 4.1.2 Penglibatan komuniti dalam perancangan perumahan

Strategi 4.2: Memperkuuh keupayaan Pihak Berkuasa Negeri dan Tempatan dalam memantau dan mengintegrasikan perumahan dan pengangkutan di peringkat analisis, perancangan dan pelaksanaan.

- 4.2.1 Penilaian keperluan isi rumah oleh agensi perumahan negeri dan pengangkutan
- 4.2.2 Peruntukan untuk penyelidikan bagi perumahan dan pengangkutan



FOKUS 5:

MEMPERKUKUH KEUPAYAAN INSTITUSI UNTUK MELAKSANAKAN DRN (2018-2025)

Kejayaan DRN (2018-2025) dalam memandu arah sektor perumahan di Malaysia adalah amat bergantung kepada keupayaan agensi-agensi berkaitan untuk melaksanakan pelan tindakan DRN (2018-2025) dengan cekap dan berkesan. Maka, keupayaan agensi-agensi ini akan diperkuuhkan dari aspek organisasi, tadbir urus dan sistem sokongan. Ini merangkumi peningkatan kapasiti teknikal tenaga kerja, menggalakkan penyelidikan, penyediaan pangkalan data bersepadu serta memastikan kecukupan sumber kewangan dan undang-undang.

Strategi 5.1: Memperkemas data dan menangani jurang data untuk memajukan penyelidikan perumahan Negara.

- 5.1.1 Membangunkan Sistem Pengkalan Data Bersepadu – Sistem Perumahan Negara
- 5.1.2 Promosi Sistem Perumahan Negara kepada agensi perumahan yang lain
- 5.1.3 Kaji selidik Perumahan Negara
- 5.1.4 Pendigitalan dokumen dan data perumahan

Strategi 5.2: Membina kapasiti penyelidikan dalam untuk membentuk, memantau dan menilai dasar perumahan dan pelan tindakan.

- 5.2.1 Penyelidikan perumahan secara berterusan
- 5.2.2 Peningkatan jumlah kakitangan profesional dengan kelayakan pascasiswazah
- 5.2.3 Penilaian berkala terhadap dasar perumahan dan pelan tindakan
- 5.2.4 Kajian menyeluruh mengenai pencapaian pelan tindakan DRN (2018-2025)

Strategi 5.3: Meningkatkan sumber serta memperkuuh undang-undang dan kapasiti teknikal untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan dan penguatkuasaan.

- 5.3.1 Peningkatan jumlah penjawat awam dengan kelayakan profesional
- 5.3.2 Penyediaan latihan kepada pegawai pelaksana dan penguatkuasa
- 5.3.3 Peratusan peruntukan tahunan yang dibelanjakan oleh agensi
- 5.3.4 Penambahbaikkan perundungan sedia ada berkaitan perumahan



Dasar Perumahan Negara (2018 - 2025)

GARIS MASA PELAN TINDAKAN DRN (2018-2025)

2018

- 1.1.1. Kajian Keadaan Perumahan Nasional
- 1.5.5. Penggubalan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRM/MN)
- 3.2.1. Dasar Komuniti Negara

2019

- 1.1.1. Kajian Keadaan Perumahan Nasional
- 1.1.2. Penyediaan Garis Panduan Prawatan Perumahan Berkualiti (PPB)
- 1.1.3. Pemaklaman PPB dalam garis panduan perumahan baharu
- 2.1.2. Penggunaan teknologi pembinaan moden (BIM, BIM)
- 2.1.4. Peralihan sistem penyampaian perumahan JKB kepada BKJ – 10.90
- 2.3.1. Penggubalan Akta Sewaan Kediaman
- 5.1.4. Pendigitalan dokumen dan data perumahan
- 5.2.1. Penyediakan perumahan secara berterusan
- 5.2.2. Peningkatan jumlah kakitangan profesional dengan kelayakan pascasiswazah
- 5.2.3. Penilaian berkala terhadap dasar perumahan dan pelan tindakan
- 5.3.1. Peningkatan jumlah perjawat awam dengan kelebihan profesional
- 5.3.3. Peratusan peruntukan tahunan yang dibelanjakan oleh agensi
- 5.3.4. Penambahbaikan perundangan sedia ada berkaitan perumahan

2020

- 1.2.2. Pemaklaman PPB dalam garis panduan perumahan sedia ada
- 1.3.1. Penyelenggaraan bangunan mengikut kriteria PPB
- 1.3.2. Penggunaan 'Building disqualification report' dalam penyelenggaraan perumahan awam

2021

- 1.3.3. Aplikasi kos kitaran hayat untuk penyelenggaraan
- 1.3.4. Roadshow PPB kepada JWEI, MCI COB dan lain-lain agensi perumahan
- 1.4.1. Penggubalan Akta berkaitan pelaksanaan PPB
- 1.4.2. Penubuhan unit khas untuk pentadbiran dan pemantauan PPB
- 1.4.3. Penyediaan rangka kerja pemantauan dan penilaian PPB
- 1.5.2. Penyediaan rangka kerja penentuan kelayakan pemohon perumahan awam
- 1.5.3. Integrasikan semua sistem pemohonan perumahan awam sedia ada di antara agensi
- 2.1.1. Penilaian CLASSIC untuk semua projek baru perumahan awam dan swasta
- 2.1.3. Penubuhan sistem perolehan khas
- 2.2.1. Penyediaan Garis Panduan tahap kemampuan pemilikan dan periyawatan rumah
- 2.3.3. Penilaian kontрак periyawatan perumahan awam
- 2.4.2. Penyediaan Garis Panduan Rent to Own / Skim Pembizayon
- 5.1.1. Mengembangkan Sistem Pengkalan Data Bersepadu – Sistem Perumahan Negara
- 5.1.3. Kaji sejuk Perumahan Negara
- 5.2.3. Penilaian berkala terhadap dasar perumahan dan pelan tindakan
- 5.3.2. Penyediaan latihan kepada pegawai pelaksana dan pengawas
- 5.3.3. Peratusan peruntukan tahunan yang dibelanjakan oleh agensi
- 1.2.1. Pemaklaman PPB dalam program rejuvenasi bangunan sedia ada
- 1.5.1. Penyediaan perumahan Agensi Kerajaan disasarkan kepada perumahan sektor sosial
- 1.5.4. Penglibatan dan empowerment komuniti – kawal sela perumahan
- 2.2.2. Penyediaan Laporan Penilaian Tahap Kemampuan Pemilikan dan Periyawatan Perumahan
- 2.4.1. Penyediaan Garis Panduan bantuan pembiayaan perumahan
- 3.1.5. Penubuhan JP
- 3.3.3. Pelaksanaan aktiviti komuniti untuk pengurusan dan penyelenggaraan bersama
- 4.1.1. Pengangkutan dan perancangan perumahan diselarasaskan
- 4.1.2. Penglibatan komuniti dalam perancangan perumahan
- 4.2.1. Penilaian keperluan iai rumah oleh agensi perumahan negeri dan pengangkutan
- 4.2.2. Penurutan untuk penyelidikan bagi perumahan dan pengangkutan
- 5.1.2. Promosi Sistem Perumahan Negara kepada agensi perumahan yang lain
- 5.2.3. Penilaian berkala terhadap dasar perumahan dan pelan tindakan
- 5.3.3. Peratusan peruntukan tahunan yang dibelanjakan oleh agensi

2022	2023	2025
2.2.3. Kelulusan KVI mengambil kira tahap kemampuan pemilikan perumahan	1.4.4. Penubuhan JKuasa Penilaian PPB dan kerajaan pelaksanaan	2.2.2. Penyediaan Laporan Penilaian Tahip Kemampuan Pemilikan dan Penjawatan Perumahan
2.2.4. Kriteria kelulusan APOL mengantik kira tahap kemampuan pemilikan perumahan	2.1.4. Peralihan sistem penyampaian perumahan JK8 kepada BKJ – 0:100	5.2.3. Penilaian berkala terhadap dasar perumahan dan pelan tindakan
2.3.2. Pelaksanaan sistem penyewaan sektor swasta yang wibie	2.2.2. Penyediaan Laporan Penilaian Tahip Kemampuan Pemilikan dan Penjawatan Perumahan	5.2.4. Kajian menyeluruh mengenai pencapaian pelan tindakan DRN (2018-2025)
3.1.1. Kajian jurang pelaksanaan dan penilaian kualiti kejiranan dan kemudahan sedia ada	3.1.4. Kemasukan Melayanan Valuation Standards (MVS)	5.3.3. Penilaian peruntukan tahunan yang dibelanjakan oleh agensi
3.1.2. Kajian semula piawaian dan garis panduan kejiranan dan kualiti kemudahan	5.2.3. Penilaian berkala terhadap dasar perumahan dan pelan tindakan	
3.1.3. Penyediaan senario semak kualiti kejiranan	5.3.3. Peratusan peruntukan tahunan yang dibelanjakan oleh agensi	
3.1.6. Perkasa bidang kuasa JNB/MC – Akta 757		
5.1.3. Kaj selidik Perumahan Negara		
5.2.3. Penilaian berkala terhadap dasar perumahan dan pelan tindakan		
5.3.3. Peratusan peruntukan tahunan yang dibelanjakan oleh agensi		
2024		
	1.1.1. Kajian Keadaan Perumahan Nasional	
	1.1.4. Semakan Berkala Garis Panduan PPB	
	3.2.2. Pelaksanaan projek penitip di bawah Community Funding Mechanism	
	5.1.3. Kaj selidik Perumahan Negara	
	5.2.3. Penilaian berkala terhadap dasar perumahan dan pelan tindakan	
	5.3.3. Peratusan peruntukan tahunan yang dibelanjakan oleh agensi	



JABATAN PERUMAHAN NEGARA
Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

KHAZANAH
RESEARCH
INSTITUTE

